



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Berita Harian - LHDN Sahkan Ada Individu Gaji RM 12,000 Mohon BR1M

Berita Harian - LHDN Sahkan Ada Individu Gaji RM 12,000 Mohon BR1M

🕒 Jumaat, Mac 10 2017



LHDN sahkan ada individu gaji RM12,000 mohon BR1M

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengesahkan ada individu yang mempunyai pendapatan bulanan melebihi RM12,000 memohon Bantuan Rakyat Malaysia (BR1M).

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata pemohon berkenaan adalah sebahagian daripada kira-kira 600,000 permohonan baharu BR1M yang ditolak oleh LHDN tahun ini.

Katanya, lebih 10,000 permohonan yang terdiri daripada individu berpendapatan antara RM8,000 hingga RM12,000 turut ditolak.

“Sebanyak 260,000 pemohon BR1M berpendapatan lebih RM5,000, termasuk antara 40,000 hingga 50,000 pemohon yang bergaji antara RM6,000 hingga

RM8,000, ditolak.

“Ini sepatutnya tidak berlaku; kita tak mahu kerajaan salurkan RM700 juta (wang BR1M) pada orang yang tak berhak,” katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

Tempoh tiga bulan kemuka bukti

Mengulas lanjut, Johari berkata, seramai 705,562 pemohon BR1M yang ditolak permohonannya atas alasan mendaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bakal menerima bantuan itu secara berperingkat, minggu depan.

Beliau berkata, kelompok itu adalah mereka yang layak menerima BR1M pada tahun lalu dan sudah mendaftar lebih awal de-

ngan SSM.

Bagaimanapun, katanya, mereka diberi tempoh tiga bulan untuk mengemukakan buku atau penyata kewangan sebagai bukti pendapatan bulanan RM4,000 dan ke bawah.

“Jika ingkar, mereka tidak akan menerima baki bantuan BR1M pada Jun hadapan,” katanya.

Beliau berkata, dakwaan sege-lintir kononnya mereka tidak menerima bantuan BR1M kerana berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah tidak benar.

“Kita nak betulkan persepsi orang ramai, kita beri kepada mereka yang bergaji bulanan RM4,000 dan ke bawah, tidak kisah mereka berdaftar atau tidak (dengan SSM),” katanya.



Ini sepatutnya tidak berlaku, kita tak mahu kerajaan salurkan RM700 juta (wang BR1M) pada orang yang tak berhak”

Johari Abdul Ghani,
Menteri Kewangan II



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **23 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

